



" KEDAH GEMILANG "

Ruj. Kami : JPK(PSM)03-15/5/(24)

Tarikh : 7 DISEMBER 2006

Semua Pengetua/ Guru Besar  
Sekolah- Sekolah Daerah (Pendidikan) Kota Setar.

Tuan,

**Perjumpaan Pengarah Pelajaran Dengan  
Pengetua Dan Guru Besar Sekolah-Sekolah Negeri Kedah**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Kedah akan mengadakan perjumpaan di antara Pengarah Pelajaran Kedah dengan Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah negeri Kedah Darul Aman mengikut daerah.

2. Perjumpaan ini bertujuan untuk menyampaikan Fokus dan Perancangan Jabatan Pelajaran Kedah sebagai hala tuju dan panduan pelaksanaan aktiviti / tindakan bagi tahun 2007. Turut sama dalam perjumpaan ini ialah semua ketua Sektor di Jabatan Pelajaran Kedah.

3. Sehubungan itu tuan adalah dijemput untuk menghadiri perjumpaan tersebut seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 18. 12. 2006 (Isnin)  
Masa : 8.00 pagi  
Tempat : SMK Darulaman

4. Oleh sebab program ini sangat penting, kehadiran tuan adalah wajib. Kehadiran wakil Pengetua/Guru Besar hanya dibenarkan atas alasan yang sangat munasabah sahaja.

5. Bersama-sama ini disertakan aturcara program tersebut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "  
" PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG "

Saya yang menurut perintah,

( MANSOR BIN LAT BCK., BKM. )

Timbalan Pengarah Pelajaran  
b.p Pengarah Pelajaran Kedah Darul Aman.

sk. 1. Semua Ketua Sektor